

Najib ajak rakyat beri cadangan pengisian Bajet 2016

KUALA LUMPUR 1 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak mengajak rakyat bersama-sama mengemukakan cadangan untuk dimasukkan dalam Bajet 2016 yang akan dibentangkan pada bulan Oktober ini.

Perdana Menteri yang juga Men-

teri Kewangan berkata, sememangnya hasrat kerajaan untuk menjadikan suara rakyat sebagai asas pembentukan belanjawan negara.

“Bajet 2016 akan dibentangkan pada bulan Oktober dan seperti tahun-tahun sebelum ini, kerajaan ingin supaya

suara rakyat dijadikan asas kepada pembentukan Belanjawan Negara.

“Kemukakan cadangan anda di laman mikro #Bajet2016 yang telah disediakan dan bersama-samalah kita menyumbang kepada negara,” katanya dalam kenyataan di laman

Facebook miliknya hari ini.

Katanya, cadangan untuk Bajet 2016 juga boleh dikemukakan menerusi laman <http://najibrazak.com/bajet2016>.

Sementara itu, dalam kenyataan berasingan, Najib berdoa agar Malay-

sia dijauhkan daripada segala bentuk bahaya dan negara ini dirahmati.

“Semoga Pencipta Yang Maha Berkuasa, kekal memayung-mayung dan merahmati negara bertuah ini. Dijauhkan daripada segenap mara-bahaya zahir dan batin,” katanya.